

DITERIMA

JURNAL TASAWWUR ISLAM

JILID 5

OGOS 2002 / JAMADILAKHIR 1423H

Kata Pengantar
Sidang Pengarang



1. PERANAN ULAMA 'DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI KELANTAN: SUATU KAJIAN KHUSUS DI ANTARA TAHUN 1940 HINGGA 1990
(Oleh Prof.Madya Dr. Asiah Ali)

1



2. PENDIDIKAN DARI PERSPEKTIF ISLAM:UiTM MENGHADAPI ALAF BARU
(Oleh Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff)

11



3. WANG DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN KONVENTSIONAL
(Oleh Ezani Yaakub)

24



4. KESINAMBUNGAN AJARAN AGAMA ISLAM SAMAWI-MENURUT PERSPEKTIF OLD TESTAMENT, NEW TESTAMENT DAN THE LAST TESTAMENT (AL-QURAN)
(Oleh Ghafarullahhuddin Hj. Din)

48



5. SENI BINA MASJID DI MALAYSIA
(Oleh Fairuzah Hj. Basri)

61



6. PRINSIP DAN ETIKA ISLAM DALAM PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR
(Oleh Mohd Nor Mamat)

71



7. KEPERLUAN PENGURUSAN MAKLUMAT SECARA ISLAM
(Oleh S.Salahuddin Suyurno)

82

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Pusat Pendidikan Islam
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM



**PENDIDIKAN DARI PERSPEKTIF ISLAM :
UiTM MENGHADAPI ALAF BARU**

(Oleh: Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff)

ABSTRAK

Artikel ini hanya bersifat ulasan semula kepada satu agenda yang dilihat masih relevan. Agenda pengislaman ilmu adalah telah diterima dengan maksud yang tertentu. Semua pihak melihat hal tersebut sebagai masih memerlukan tindakan yang realistik. Ia berupa sebahagian dari dasar penerapan nilai-nilai Islam oleh kerajaan, walaupun terdedah kepada kritikan dari berbagai sudut. Perbahasan sekarang ialah mencari relevan dari segi teori dan agenda tentatif serta tindakan berpotensi. Dalam hal ini, kertas ini cuba memberi rasional dan justifikasi secara ilmiah. Tindakan memerlukan budibicara secara realistik dan teknikal yang sesuai. Dengan itu tulisan ini masih terdedah kepada sebarang kritik. UiTM pula menyebut dengan jelas agenda penerapan nilai-nilai Islam dalam falsafahnya. Kertas ini akan menganalisis secara realistik. Banyak persoalan susulan yang seharusnya menyusur idea ini. Ia adalah sedikit dari suatu yang termetri secara makro dalam pemikiran-pemikiran para intelektual Islam. Secara mikrocosmik, ia memerlukan kosmologi yang realistik dengan institusi atau lokaliti khusus. Ini memerlukan keupayaan memahami, mengadaptasi dan membuat analisis berbentuk sentisis. Jika tidak ia dilihat sebagai suatu idea yang keawang-awangan. Beberapa faktor prasyarat juga tidak dinofikan sebagai sesuatu yang amat mest.

A. Pendahuluan

Alaf baru nampaknya menarik perhatian semua pihak sebagai satu titik mula yang baru dalam tamadun manusia. Ini sekurang-kurangnya dari sudut nombor tahun iaitu bermula dengan 2000. Merujuk kepada kedudukan pendidikan, sejarah dan tamadun Islam telah membuktikan secara praktikal bahawa budaya ilmu adalah asasi. Ini disimbolikkan dengan bentuk ayat al-Qur'an sendiri yang diwahyukan sebagai wahyu pertama. Ayat ini juga berupa ayat perlantikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul. Tamadun Islam adalah tamadun ilmu yang bersepada hatta ciri atau personaliti ahli-ahlinya. Al-Qur'an sebagai sumber teragung menjana masyarakat ilmu yang merubah tamadun dunia seluruhnya. Dunia mewarisi budaya ini hingga tercetusnya kehidupan moden kini. Tetapi tragedi tamadun Islam dengan kejatuhan empayar Abbasiah 1258M telah mendikotomikan Islam kepada aliran ilmu agama dan sains

terpisah jauh hatta kepada kedudukan dari sudut bentuk geografinya. Islam yang telah teralir ke Barat adalah Islam teknologi yang kehilangan teologi. Manakala Islam yang datang ke timur adalah Islam teologi tanpa teknologi, kecuali beberapa aspek seperti ilmu falak syar'i atau astronomi teologistik. Pun begitu, syariat mengungguli kehidupan Nusantara dengan bersendikan hukum dan berdasarkan tauhid. Inilah yang menjadi kekuatan umat sehingga dapat memerdekakan diri dari tahuul dan animisme.

B. Pendidikan di Malaysia

Pendidikan di Malaysia kini masih tidak terlepas dari pengaruh Barat sepenuhnya. Panorama yang dijelaskan dalam pendahuluan di atas telah ditukar pula oleh kedatangan Barat yang membawa dualisme yang menjadikan agama dan adat istiadat dipisahkan dari aspek-aspek lain melalui perjanjian Pangkor 1874. Seterusnya agama diinstitusikan secara terpisah menjadi satu aspek sahaja dalam kehidupan masyarakat jajahan Barat di Nusantara seperti kosmologi agama dalam pemikiran agama-agama lain.

Hasil dari perkembangan di atas, maka akhirnya budaya ilmu dan pendidikan Islam hanya dilihat dari sudut-sudut teologikal dan perundungan semata-mata. Pemisahan ini mempengaruhi pendidikan dalam sistem sekolah. Ilmu tafsir misalnya hanya berkisar pada persoalan kedua-dua aspek tersebut sahaja. Justru itu lahirlah sekolah-sekolah agama dan kebangsaan, sekolah teknikal dan sekolah teologi. Budaya ilmu menjadi budaya maklumat yang hanya berorientasikan fakta-fakta untuk aplikasi pembangunan material. Struktur ilmu kehilangan hiaraki.

Walaupun begitu, seharusnya disedari bahawa dalam pendidikan tradisi Islam di Malaysia, iaitu institusi pondok, sistem yang dipakai oleh institusi itu telah berjaya merealisasikan konsep pendidikan agama sebagai teras dengan aspek kerja-kerja amal sebagai ko-kurikulum bagi kehidupan profesional. Misalnya seorang pelajar pondok akan belajar agama pada pagi dan bertukang rumah sebagai pengalaman atau asas kemahiran hidup untuk kerjaya masa depannya. Pada malam hari mereka dilatih dengan cara kehidupan ibadat malam dan kezuhudan. Amalan inilah sebenarnya asas perlakuan atau praktikaliti kepada Islam sebagai cara hidup.

C. Kesedaran Baru Budaya Ilmu

C.1. Anjakan Paradigma

Dunia pendidikan yang sudah begitu jauh kehilangan dasarnya mula disedari oleh para cendikiawan Islam termasuk al-Attas dan al-Faruqi [Allahyarham]. Beberapa gagasan dan persidangan Islam mengenai pendidikan telah berlaku. Di antaranya ialah Gagasan '*Islamisation of knowledge*'. Ia adalah sebagai keputusan persidangan-persidangan pendidikan Islam se dunia di Mekah 1977 dan seterusnya tiga persidangan 1980, 1981 & 1982 [Islamabad, Dakka & Jakarta] untuk mempastikan budaya ilmu tidak dimonopoli oleh budaya maklumat yang kering dan janggal untuk umat Islam.

Resolusi-resolusi dari persidangan-persidangan tersebut menekankan pendidikan mestilah dikembalikan kepada Islam dengan cara penerapan atau pengislaman. Dengan itu aspek atau ajaran Islam sebagai unsur pendidikan sepanjang proses hayat mesti dijana mengikut perkembangan bidang-bidang profesional. Seminar tersebut juga bersetuju dengan rancangan pengislaman ilmu dua belas langkah cadangan Ismail al-Faruqi.

Dalam konteks Malaysia, sebagai latarbelakang kepada kedudukan pendidikan tersebut, Perlembagaan Malaysia mempunyai '*kekuatan sendiri*' untuk Islam di mana Islam disebut sebagai '*Agama Persekutuan*'. Ini ditambah pula dengan ciri-ciri Rukun Negara di mana perkara pertama adalah '*Kepercayaan Kepada Tuhan*'. Dua asas ini tidak hanya membawa erti hanya menahapkan agama Islam sebagai aspek ibadat khusus atau '*ritual*' semata-mata. Apa yang menjadi cita-cita atau peluang secara pragmatik selama ini adalah kenyataan ini dapat disusuli dengan usaha-usaha untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup, bukan sahaja agama.

Selain daripada itu ialah Falsafah Pendidikan Negara 1985, menyebut '*Kedudukan Kerohanian dan Kepercayaan Kepada Tuhan*' yang memerlukan tindakan realisasi melalui komponen-komponen kurikulum pendidikan termasuk pendidikan tinggi. Malah dalam tahun-tahun 1984 dan 1985 kerajaan memperkenalkan dasar-dasar tertentu termasuk Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam [rujukan: *Beberapa konsep Tentang Nilai-nilai Islam & Penerapan Nilai-Nilai Islam - Keluaran JPM 1985*].

Adalah dipercayai bahawa penerapan mesti bermula dalam sektor pendidikan secara profesional iaitu kurikulum dan latihan. Ini dapat disandarkan lagi dengan kukuh dan dengan merujuk kepada beberapa penegasan mengenai

kurikulum di Malaysia. Pembangunan akademik, budaya, kerohanian & sosial [ruj. *Min. of Education 1990*], mencatitkan penegasan kurikulum yang mencapai makna pendidikan sepadu dan nilai merentasi kurikulum. Ini dapat difungsikan oleh Islam. Malahan Wawasan 2020 juga memberi penekanan kepada nilai-nilai keagamaan dan kerohanian [*BTN 1991:2*]. Hal ini menuntut kaedah penerapan yang profesional melalui ‘usaha-usaha berterusan’ seperti semangat yang terkandung dalam falsafah pendidikan negara itu sendiri.

Seminar mengenai '*Higher Education in Science, Nov. 1991*' menekankan pencapaian falsafah pendidikan negara [*Othman Mohd Yusoff & Khadijah Mohd Salleh [1991]*]. Ini menjadi keputusan-keputusan persidangan yang memerlukan tindakan di peringkat kurikulum pendidikan tinggi. Hal ini adalah selaras dengan apa yang berlaku di dalam pendidikan di peringkat rendah - KBSR yang menekankan konsep kesepaduan kepada agama. Pendekatan kesedaran beragama di peringkat ini memerlukan penerusan di peringkat seterusnya. Pendidikan Menengah - KBSM menekankan pendidikan sepadu kepada keagamaan. Di samping mata pelajaran, usaha-usaha bersifat praktikal juga ditambah untuk aspek praktikaliti agama, seperti sembahyang fardu di sekolah dan aktiviti-aktiviti keagamaan lain seperti *khiyam*, *qiyamullail* dan lain-lain. Pendidikan tinggi pula telah memperkenalkan mata pelajaran-mata pelajaran yang bersifat tamadun Islam, TITAS atau moral yang tidak menjelaskan atau mengurangkan amalan pengajaran agama yang sedia ada di IPT-IPT tersebut.

Kesemua latarbelakang tersebut memberi lahan dan tapak yang kuat untuk pembinaan budaya ilmu di Malaysia malah oleh mana-mana institusi pun terutama untuk alaf baru.

C.2. Masa Depan Dengan Islam

Falsafah Pendidikan negara ada menyebut kedudukan agama sebagai aspek yang berkaitan dengan profesi dan keguruan juga kandungan pengajaran [kurikulum]. Seorang guru di Malaysia adalah seorang yang beragama. Seorang *atheist* tidak boleh menjadi guru di Malaysia, sebagaimana seorang rakyat Malaysia juga mestilah seorang yang beragama seperti maksud Rukun Negara [i.e. Kepercayaan Kepada Tuhan]. Penerapan nilai-nilai Islam pula boleh menjadi tatacara yang seharusnya dibudayakan untuk mencapai tujuan-tujuan dalam misi dan tugas pendidikan. Semangat dan inspirasi kepada budaya ilmu sudah terakam begitu kukuh dalam falsafah pendidikan negara. Kementerian Pendidikan sendiri telah menukar nama dari Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan. Adalah dipercayai misi korperatisme [budaya korperat] pula sudah tentu

memerlukan budaya ilmu yang tinggi untuk memastikan ia tidak membawa pendidikan menyimpang dari matlamat asal sesebuah institusi dari agenda kependidikan.

Agenda penerapan nilai-nilai Islam telah banyak dibentang dan dibahaskan hingga ke peringkat modus operandi. Graduan yang menjadi matlamat keluaran sesebuah institusi ditegaskan mempunyai nilai-nilai atau ciri-ciri tertentu. Nilai-nilai dan ciri-cirinya merujuk kepada epistemologi Islam yang memerlukan keislaman yang progresif, aplikatif dan relevan. Budaya ilmu adalah prasyarat kepada pencapaian matlamat tersebut. [sebagai contoh di UiTM; lihat Yaacob 1988].

Keadaan semasa menunjukkan bahawa sentimen dan cita-cita semasa masyarakat Malaysia mempercayai bahawa beberapa perubahan mesti berlaku di Malaysia dalam aspek pendidikan di alaf baru jika ia mahukan paradigma baru. Di antaranya ialah aspek keilmuan dan keislaman. Kertas ini ingin menekankan aspek-aspek berikut sebagai sesuatu yang sepatutnya terus diperkuuhkan:

1. Pendidikan di Malaysia seharusnya menjadi lebih global melalui penghayatan terhadap keputusan-keputusan di peringkat antara bangsa tentang pendidikan dan Islam dalam '*professionalisme*'. Ia juga bersifat lebih nasionalistik dengan merujuk kepada keperluan-keperluan negara yang memperakarkan bentuk budaya ilmu yang Islamiik.
2. Pendidikan di peringkat tinggi di Malaysia pula seharusnya meneruskan kesinambungan pendidikan dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Budaya belajar yang dikukuhkan di atas asas-asas keislaman sebagaimana yang dikehendaki oleh perkembangan semasa memerlukan peranan Islam diperkuuhkan dengan cara yang lebih realistik dan profesional. Aspek Islam dalam proses pendidikan boleh dirujuk kepada '*kONSEP FARDUAIN*' dan '*KONSEP DARI BUAIAN KE LIANG LAHAD*' [*maksud hadis*].
3. Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya bersama turut menjayakan gagasan '*Pengislaman Ilmu*' secara profesional. Ini boleh dibuat secara harmonis dan terancang serta bersifat integral melalui fungsi fakulti-fakulti yang menawarkan pengajian Islam sebagai fakulti teras. Tanggungjawab ini haruslah dilihat sebagai keunikan Malaysia sebagai negara berbilang bangsa. Ia harus menjadi sebahagian dari aliran perdana negara dan mempengaruhi dimensi korporat kini. Budaya ilmu dan Islam adalah

dimensi kependidikan kepada pengetahuan dan profesionalisme teknokrat.

Keperluan-keperluan baru yang disebut dalam tiga perkara di atas adalah menepati dengan semangat baru dalam perkembangan negara dan peranan para IPT. Malahan peristiwa-peristiwa negatif seperti lepak, korupsi, jenayah kolar putih dan lain-lain gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat memperkuatkan lagi kerelevanannya hal ini [Budaya ilmu dan Islam] ditingkatkan dengan lebih baik dan teratur. Jika ditinjau secara terperinci, dapat dilihat seterusnya beberapa perkembangan yang menunjukkan kerelevanannya Islamisasi ilmu ini dalam konteks pendidikan Islam professional di IPT. Di antaranya:

1. Dalam Konteks Global

Gagasan '*Islamisation of knowledge*' adalah sebagai keputusan persidangan-persidangan pendidikan Islam sedunia di Mekah 1977 dan seterusnya tiga persidangan 1980 dan 1982 [Islamabad, Dakkah dan Jakarta]. Resolusi-resolusi menekankan pendidikan Islam sebagai pendidikan sepanjang proses/hayat [merujuk maksud hadis] yang mesti dijana mengikut perkembangan bidang-bidang profesional.

2. Dalam Konteks Malaysia

Perlembagaan Malaysia – '*Islam Agama Persekutuan*' dan Rukun Negara - '*Kepercayaan Kepada Tuhan*'. Dua asas ini seharusnya disusuli dengan usaha-usaha untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup, bukan sahaja agama. Tafsiran Islam sehingga meliputi cara hidup malah aspek pendidikan adalah hak orang-orang Islam yang dipercayai akan menjadi nikmat juga kepada orang-orang bukan Islam. Ini dalam maksud, bila seseorang Islam beragama dengan betul dalam segala kehidupannya berdasarkan agama, maka orang-orang bukan Islam akan terselamat dari sesuatu kejahatan atau keburukan.

Jika diringkaskan perkara-perkara dalam perbincangan di atas serta beberapa perkara lain, fenomena-fenomena berikut akan turut menyokong keperluan hal ini. Di antaranya ialah:

- a) Falsafah Pendidikan Negara 1985 - '*Kepercayaan Kepada Tuhan*' yang memerlukan tindakan realisasi melalui komponen-komponen kurikulum pendidikan termasuk Pendidikan Tinggi.
- b) Dasar kerajaan; Penerapan Nilai-Nilai Islam [rujukan: *Beberapa konsep Tentang Nilai-Nilai Islam & Penerapan Nilai-Nilai Islam - Keluaran JPM 1985*]. Penerapan mesti bermula dalam sektor pendidikan secara

profesional iaitu kurikulum dan latihan.

- c) Kurikulum di Malaysia - Pembangunan akademik, budaya , kerohanian & sosial [ruj. *Min. of Education 1990*], mencatitkan penegasan kurikulum yang mencapai makna pendidikan sepadu dan nilai merentasi kurikulum. Ini dapat difungsikan oleh Islam.
- d) Wawasan 2020 - penekanan kepada nilai-nilai keagamaan dan kerohanian [BTN 1991:2]. Hal ini menuntut kaedah penerapan yang profesional melalui 'usaha-usaha berterusan' seperti semangat dalam falsafah pendidikan negara.
- e) Seminar on '*Higher Education in Science , Nov. 1991*' menekankan pencapaian falsafah pendidikan negara [*Othman Mohd Yusoff & Khadijah Mohd Salleh [1991]*]. Ini menjadi keputusan-keputusan persidangan yang memerlukan tindakan di peringkat kurikulum pendidikan tinggi.
- f) Pendidikan di peringkat rendah - KBSR menekankan konsep kesepaduan kepada agama. Pendekatan kesedaran beragama di peringkat ini memerlukan penerusan di peringkat seterusnya [tinggi].
- g) Pendidikan Menengah - KBSM menekankan pendidikan sepadu kepada keagamaan. Di samping mata pelajaran, usaha-usaha bersifat praktikal juga ditambah untuk aspek praktikaliti agama.
- h) Pendidikan Tinggi – Mata pelajaran baru yang bersifat tamadun Islam, TITAS atau moral diperkenalkan dengan tidak menjaskan mengurangkan amalan yang sedia ada di IFT-IPT tersebut.
- i) Dalam konteks UiTM, beberapa perkara berikut memberi kredit kepada idea ini, antaranya:
 - i Falsafah ITM, menyebut : '*penerapan nilai-nilai Islam*' .
 - ii Objektif akademik ITM menyebut '*graduan yang bertakwa*' .
 - iii Konfrensi akademik ITM 1988 Air Keroh meresolusikan; : sesetengah UIS & subjek-subjek lain harus diajar dalam bahasa Inggeris [untuk mengatasi isu pencapaian bahasa Inggeris]

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa sebagai tindakan di UiTM, dalam konteks kewujudan beberapa kursus di Pusat Pendidikan Islam di sepanjang program akademik UiTM, akan dapat menjadikan:

1. UiTM akan menjadi lebih global melalui penghayatan terhadap keputusan-keputusan di peringkat antara bangsa tentang pendidikan Islam dalam profesionalisme serta bersifat lebih nasionalistik dengan merujuk kepada keperluan-keperluan negara.
2. Kerelevan yang jelas tentang kesinambungan pendidikan Islam dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam dalam semangat '*kONSEP FARDU AIN*' dan '*kONSEP DARI BUAIAN KE LIANG LAHAD*' [maksud hadis]
3. Bersama turut menjayakan gagasan '*pengislaman ilmu*' secara profesional dan terancang bersifat integral melalui fungsi PPI sebagai fakulti teras. Tanggungjawab ini haruslah dilihat sebagai keunikan UiTM, bukan keasingannya dari aliran perdana korporat kini. Ia adalah dimensi kependidikan kepada pengetahuan dan profesionalisme teknokrat. Dengan itu UiTM bukan sahaja menjadi Institut Pengajian Tinggi malah Pengajian Tinggi yang merujuk kepada agenda yang dikemukakan oleh al-Faruqi melalui 12 langkah-langkah dalam pelannya [lihat Faruqi {1992}], maka justeru itu kertas ini mencadangkan supaya diadakan beberapa prasarana yang memberi lahan atau keadaan yang memungkinkan kesamarahan budaya ilmu ini. Di antaranya:
 1. Badan perunding pengislaman ilmu
 2. Kumpulan staf akademik yang khusus [untuk tumpuan kerja-kerja pengislaman]
 3. Biasiswa untuk latihan staf [dalam aspek berkenaan]
 4. Epistemologi Islam / Arab yang sufisyen
 5. Mengadakan pengajian peringkat diploma atau sijil pengajian Islam untuk semua staf akademik
 6. Usaha-usaha bersama IPT-IPT tempatan dengan universiti-universiti lain dalam program berkembar [*twinning programmes*]
 7. Mengadakan/mengumpulkan bahan-bahan asas melalui seminar dan perbincangan berkumpulan.
 8. Perayaan-perayaan tertentu melalui sempena-sempena peristiwa Islam.

Sebagai contoh, dijelaskan bahawa cadangan-cadangan di atas telah diperakui sebagai resolusi di dalam satu konferensi akademik di UiTM [masa itu ITM] lebih sepuluh tahun dulu iaitu pada 1988 di Air Keruh [lihat Yaacob 1988]. Ia harus dilihat sebagai paradigma baru pendidikan di Malaysia di alaf baru.

Dua belas langkah yang dicadangkan oleh al-Faruqi yang kemudiannya disusun ringkas oleh Sardar [1988] dipercayai boleh mencapai lima tujuan yang telah digariskan dalam agenda pengislaman oleh beliau [al-Faruqi] yang tidak mustahil untuk dicapai di Malaysia. Objektif-objektif itu adalah seperti di bawah:

1. Untuk menguasai ilmu-ilmu moden [To master the modern disciplines]
2. Untuk menguasai khazanah ilmu Islam [To master the Islamic Legecy]
3. Untuk memperkenalkan Islam kepada ilmu-ilmu moden [To establish the specific relevance of Islam to each area of modern knowledge]
4. Untuk melahirkan sintesis: ilmu moden dan Islamik [To seek ways for creative synthesis between the legacy and modern knowledge]
5. Untuk menyebarkan ilmu Islam [yang moden] [To launch Islamic thought on the trajectory which leads to the fulfillment of the divine pattern of Allah]

Tulisan ini menekankan peranan Pendidikan Islam terhadap fakulti-fakulti lain di IPT-IPT. Kedudukan sekarang ialah untuk mempraktiskan proses tersebut [pengislaman ilmu] dalam konteks keinstitusian. Ia bukan sahaja dengan apa yang ada sekarang, di mana pengajian Islam hanya satu bidang yang khusus dan tersendiri. Pengajian Islam menjadi pengajian teras dengan pengkhususan mengikut bidang di fakulti masing-masing. Konsep ini juga mungkin melibatkan perancangan kurikulum.

Dalam konteks UiTM, lima tujuan yang dirancangkan oleh al-Faruqi itu dapat dicapai melalui strategi atau kerangka perlaksanaan seperti berikut:

| <u>Tujuan</u> | <u>Perlaksanaan di UiTM</u> |
|---------------|---|
| 1 | Melalui fakulti-fakulti yang sedia ada di UiTM |
| 2 | Melalui mata pelajaran UIS/IMK/TIS/IDA oleh Pusat Pendidikan Islam |
| 3 | Melalui mata pelajaran pengkhususan Pendidikan Islam di semester 3 untuk diploma dan mata pelajaran-mata pelajaran elektif dari PPI untuk peringkat ijazah. |
| 4 | Melalui penyelidikan oleh fakulti-fakulti dan PPI terutamanya usaha secara sepada. BRC boleh turut memainkan peranan. |

- 5 Melalui projek-projek oleh pihak UiTM dengan kerjasama berbagai badan dan sektor lain [malah boleh melibatkan sektor-sektor di luaran UiTM]

Perancangan strategik bagi pelan dan agenda di atas mestilah diatur secara sepadau dengan perancangan UiTM sendiri. Ia boleh dibuat taburan yang rasional atau berpatutatan secara urutan tahun dengan matlamat yang boleh dijangka.

D. Isu-Isu Angkubah

Pengalaman menunjukkan harapan yang terlalu tinggi diletakkan ke atas budaya ilmu dan Islam untuk menjadi penyelesaian masalah kerana begitulah yang menjadi dakwaan para penajanya. Dalam menghadapi alaf baru mendatang beberapa isu-isu masih menjadi halangan. Di antara yang dapat diamati berlaku ialah:

1. Dikotomi Pendidikan Aspek Islam

Spektrum pendidikan aspek Islam seharusnya berlandaskan konsep ‘*dari buaian hingga ke liang lahad*’ [maksud hadis]. Pendidikan Islam yang dimaksudkan di sini bukanlah terkhusus untuk pendidikan keagamaan Islam sahaja. Tetapi dalam konteks yang ada di mana pendidikan Islam dibentuk begitu keritualan Islam sahaja, tetapi aplikasi formal boleh difahami bahawa kerelevan ‘*pendidikan Islam/agama Islam*’ adalah sepanjang hayat manusia. Dalam erti kata yang lain, walaupun seseorang itu sudah pencen sekalipun, tetapi beliau tetap memerlukan pengajian sedemikian [pengajian Islam] untuk melihat dan menyelesaikan isu-isu hidup berdasarkan Islam. Di sinilah kerelevan Islam menjangkau konsep sepanjang hayat. Kedudukan dikotomi sekarang menghalang pencapaian agenda tersebut.

2. Islam Tidak Bersifat Teras

Pendidikan aspek Islam sepatutnya berada dalam konteks teras di samping sifat profesionalnya. Ia bermakna, jika pengajian Islam bersifat berterusan dengan aspek terasnya, ia akan menjadi bertaraf profesional seperti peringkat-peringkat tinggi dalam usuluddin dan syariah. Sementara dalam konteks bidang-bidang profesional moden, Islam adalah teras di mana bidang-bidang yang lain itu adalah cabang-cabang yang disifatkan sebagai profesional. Contoh ini dapat dilihat dalam ilustrasi al-Attas [1979].

3. Budaya Ilmu Yang Hambar Dan Adaptasi Kosmatik Dalam Agenda Pengislaman

Budaya ilmu dalam takrif dan konteks yang sebenar tidak menonjol dan dominan. Pengislaman ilmu lebih berbentuk tempelan dan tambahan kurikulum yang membebankan. Hal ini berasal dari sifat Islam itu sendiri yang dianggap terpisah dari teras asal ilmu.

4. Ketidakrelevenan Intelektualism Dan Keupayaan Membuat Sintesis

Keperluan kepada keupayaan membuat sintesis adalah mutlak. Ia bermaksud keperluan kepada gandingan semua pihak menghasilkan sesuatu yang benar-benar Islamiik tanpa membuang ilmu yang sedia ada. Sedikit sebanyak fenomena kegagalan ini adalah berpunca dari sikap para intelektual sendiri sama ada dari pihak keagamaan atau profesional. Dikotomi dalam berbagai aspek budaya dan ideologi mencengkam para intelektual untuk bermobiliti lebih dari bidang asal mereka.

5. Pemikiran Keindustrian Pendidikan Dan Komersialisasi

Fenomena ini amat ketara sekarang dengan halatuju yang tidak jelas. Pihak-pihak tertentu mengambil peluang dari pendemokrasian pendidikan untuk membuat perniagaan yang besar. Walaupun yuran pengajian dan kosnya boleh dihadapi oleh golongan berada di Malaysia sekarang, tetapi yang membimbangkan ialah paradigma pendidikan yang berubah. Tumbuhnya institusi-institusi swasta mestalah mendokong cita-cita pendidikan yang nasional dan global. Ia bukan proses maklumat semata-mata, malah proses pengilmuan. Ia bukan melahirkan pakar teknologi semata-mata malah manusia yang kamil.

Adalah disedari bahawa pendidikan memerlukan tindakan semua pihak atau sektor. Maksudnya pendidikan secara total bukanlah peranan instuisi pelajaran semata-mata. Semua pihak dan sektor seharusnya meletakkan aspek tarbiyah atau pendidikan sebagai tujuan kepada masyarakat. Di dalam perniagaan misalnya, seseorang peniaga boleh berperanan mendidik seorang pelanggannya dalam aspek nilai-nilai kehidupan. Begitulah juga peranan kepada peniaga. FOMCA misalnya boleh berperanan membentuk pendidikan kepelanggan yang baik, bukan memikirkan hak pelanggan semata-mata.

F. Kesimpulan

Pendidikan di alaf baru seharusnya dikembalikan kepangkalnya yang asal. Pengwastaan dalam maksud pengkorporatan tidak seharusnya ber' *double standard*' dengan mengkorporatkan lain-lain dan mengambil ahli sekolah swasta yang sedia ada. Motif politik seharusnya tidak mempengaruhi kependidikan.

Budaya ilmu dan Islam mestilah dilihat secara pragmatik dalam konteks semasa yang bersifat dikotomik. Dalam konteks ini kerelevannya mestilah merujuk kepada keselarian 'yang mengambil pendekatan adaptasi dan 'pengislaman'. Muzakarah atau dialog dua hala dengan bermotif sintesis adalah sesuai dengan suasana dikotomi ini. Untuk menyemarakkan lagi budaya ilmu ini, agenda 'profesionalisme Islam' mungkin lebih relevan dilakukan di semua peringkat termasuk program-program pengajian peringkat sarjana dan kedoktoran, khususnya bagi IPT yang berorientasi sains dan teknologi malahan juga perniagaan, pengurusan , hatta sukan dan rekreasi serta persempahan dan lain-lain.

Di samping itu, pendidikan di alaf baru mestilah mempunyai satu *mekanisme* yang memberi peranan yang penting kepada sesuatu yang bersifat 'hidden curriculum'. Yang dimaksudkan di sini ialah aspek-aspek seperti kegiatan pelajar atau pembentukan suasana keislaman yang menceriakan dan bersifat generik. Komitmen pihak yang memikul tanggungjawab ini mestilah terbukti dengan usaha dan modus operandi kolektif melalui institusi-institusi formal dan juga informal.

Jika ini dapat dilakukan, sebenarnya kita telah berbuat sesuatu dengan masa depan kita. Masa depan kita sebenarnya ditentukan oleh masa lepas kita. Ia bermaksud, pengalaman kita cukup mampu membentuk sesuatu yang lebih baik untuk masa depan kita. Kita tidak usah panik dengan alaf baru ini jika kita mengambil Islam dan mempraktikkannya. Cabaran alaf baru adalah cabaran terhadap jihad kita sendiri.

Pemikiran dalam tulisan ini terbuka untuk dibahas malah dikritik. Ia penting bagi menghidupkan budaya berfikir dan kritis. Kekuatan tamadun umat adalah antaranya bertunjang kepada keterbukaan untuk berdialog. Kemudiannya ia akan dikukuhkan oleh tindakan atau kerja-kerja yang konkret. Bekerjalah, walaupun melakukan kesilapan, kerana dosa dalam kesilapan membuat kerja tidak sebesar dosa tidak membuat kerja.

Wallahu a'lam.

RUJUKAN

- Attas, S.M. al, [ed.] [1979], *Aims and Objectives of Islamic Education*, London & Jeddah Hodder and Stoughton & King Abdul Azizi University.
- BTN [Biro Tata Negara] [1991], *Wawasan 2020*, Kuala Lumpur; BTN.
- IIT [1988], *Islam source and Purpose of Knowledge*, Herdon USA : IIT.
- IIT [1989], *Toward Islamisation of Disciplines*, Herdon USA : IIT.
- ITM [1990], *ITM Sixth Malaysian Plan 1991-1995*, Shah Alam: ITM
- Sardar, Z.[1985], *Islamic Futures:The Shape of Ideas to Come*, London & New York : Mansell.
- Yaacob [1988], *Penerapan Nilai-Nilai Islam di ITM*, [Kertas Kerja Konferensi Akademik 1988, Air Keroh, Melaka]
- Zaman [1988], Islamisation and strategies for change - The education perspective' dalam Naseef , *Todays Problems Tomorrow's solution The Future Structure of Muslim Society*, London : Mansell Publication Ltd.